

Noor Mohamad  
Shakil Hameed

HARIAN METRO

# KELUARGA & KERJAYA PERLU SEIMBANG

Kaji selidik JobStreet.com baru-baru ini mendapati Malaysia menduduki tempat keempat daripada tujuh negara di rantau ini untuk kategori pekerja yang gembira berada di tempat kerja. Kaji selidik itu meletakkan kedudukan pekerja dari Indonesia sebagai pekerja paling gembira diikuti Vietnam dan ketiga Filipina manakala Thailand, Hong Kong dan Singapura masing-masing menduduki tempat kelima, keenam dan ketujuh.

Secara umumnya, melalui hasil kaji selidik ini boleh dirumuskan rakyat negara ini yang didapati menghabiskan lebih banyak masa di tempat kerja dari rumah masih boleh gembira. Daripada 10,143 pekerja Malaysia yang ditinjau pendapat mereka, 58 peratus daripadanya dilaporkan gembira dengan kerja mereka.

Mengikut laporan, lokasi kerja yang selesa, hubungan baik dengan rakan sekerja dan reputasi syarikat adalah tiga faktor utama yang mempengaruhi perasaan gembira mereka dengan pekerjaan masing-masing.

Malah, kenaikan gaji dan pengiktirafan syarikat dilaporkan antara perkara yang menjadi pertimbangan utama pekerja untuk meningkatkan tahap kegembiraan dalam pekerjaan. Lebih menarik lagi, kaji selidik ini juga menunjukkan, pekerja yang bekerja dalam perkhidmatan awam, makanan dan minuman serta industri perubatan adalah yang paling gembira.

Secara prinsipnya, kita boleh manarik nafas lega apabila majoriti responden kaji selidik ini gembira dengan kedudukan kerjaya mereka apakah lagi ia turut memberi pengiktirafan kepada perkhidmatan awam yang menyediakan pelbagai kemudahan, insentif dan kebijakan kepada pekerja.

Namun bagi penulis kita perlu melihat satu lagi sisi yang cukup penting secara bersama dengan hasil kaji selidik ini iaitu bagaimana pula dengan aspek kegembiraan dalam keluarga? Apakah kita boleh merumuskan kegembiraan di tempat kerja juga menandakan mereka turut gembira di rumah? Isu ini penting untuk diteliti kerana kita yakin elemen kerja dan keluarga mempunyai hubung kait dan nilai signifikan yang cukup penting dan tinggi.

Justeru, kedua-dua aspek ini perlu dikupas secara bersama bagi menilai tahap kegembiraan sebenar rakyat kita. Jadi persoalannya sekali lagi, betul kita gembira di pejabat, tetapi bagaimana pula keadaannya di rumah? Apakah kedudukan pangkat mahupun gaji yang tinggi di pejabat menjamin kegembiraan dan kebahagiaan keluarga kita, jika betul kita bersyukur dan lega, tetapi jika tidak ia suatu

persekitaran yang cukup tidak sihat untuk masyarakat kita. Secara jujur, penulis cukup yakin keadaan itu tidak berlaku dalam kebanyakannya keluarga dalam masyarakat kita. Hakikatnya walaupun tidak mustahil, namun bukan mudah untuk seseorang itu mencapai skor kegembiraan yang tinggi dalam kedua-dua aspek secara serentak. Kebiasaan orang yang hebat dan berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing sering kelihatan bergelut untuk mempertahankan kedudukan yang sama di rumah.

Akibatnya rumah tangga porak peranda dan lebih malang lagi anak-anak menjadi mangsa keadaan. Kadar perceraian yang tinggi di negara ini, misalnya dengan jelas membuktikan kenyataan ini. Ini ditambah pula dengan ego pasangan masing-masing terutama apabila masing-masing cuba bersaing membuktikan dia yang lebih hebat, lebih tinggi pangkat dan gajinya.

Senario ini berlaku dalam kehidupan masyarakat moden kita pada hari ini yang rata-rata begitu mengejar kedudukan dan pangkat serta kejayaan dalam bidang kerjaya sehingga sering lupa dan abaikan keperluan keluarga terutama anak-anak di rumah. Masalah sosial dan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah dan remaja adalah bukti nyata dan manifestasi kuat betapa kita

berjaya di luar tetapi gagal di rumah.

Jadi, apa yang kita harap dan mahukan ialah seseorang individu itu bukan saja gembira di pejabat, tetapi turut boleh menikmati kegembiraan di rumah bersama keluarga barulah kita boleh rumuskan kehidupan rakyat kita cukup seimbang dan menikmati kehidupan yang gembira dan bahagia secara menyeluruh.

Secara idealnya, kita mahu lahirkan anggota masyarakat yang dapat menjalani kehidupan yang seimbang supaya akhirnya kita dapat menzahirkan sebuah bangsa yang maju dari segala aspek.

Sebenarnya tidak mustahil

**Satu perkara yang perlu diingat, kesanggupan kita menyediakan segala keperluan termasuk pelbagai kemewahan kepada keluarga belum tentu dapat menggembirakan mereka kerana mereka lebih memerlukan masa dan perhatian kita**

untuk mencapai keseimbangan yang diharapkan itu asalkan kita bersedia untuk berubah, berkurban dan berusaha ke arah mencapai sasaran itu. Misalnya, setiap pekerja mengidamkan kenaikan pangkat, gaji dan pengiktirafan daripada majikan.

Untuk itu kebiasaan kita akan cuba membuktikan kepada majikan betapa kita jujur, ikhlas dan setia dengan organisasi itu dan sanggup berkurban apa saja serta berusaha keras untuk meningkatkan prestasi diri dan organisasi pada tahap yang paling maksimum.

Akhirnya mengikut hukum alam, kita akan mendapat pengiktirafan dan ganjaran yang diidamkan seperti kenaikan pangkat dan gaji yang akan menyumbang kepada peningkatan tahap kegembiraan kita di pejabat.

Jadi begitu juga halnya yang perlu dilakukan dalam soal urusan keluarga. Cuba kita tepuk dada dan tanya diri masing-masing apa usaha yang sudah kita buat selama ini untuk mencipta kebahagiaan dan kegembiraan dalam keluarga kita? Sejauh manakah kita jujur dan ikhlas dengan pasangan masing-masing dan sanggup berkurban untuk keluarga? Harus diingat, kebahagiaan mahupun kegembiraan dalam keluarga dan juga perhubungan perlu dipupuk, diterap dan dicipta melalui usaha yang gigih kerana ia tidak akan muncul secara automatik hanya

kerana kita sudah menjadi sebuah keluarga.

Malah, satu perkara lagi yang perlu diingat kesanggupan kita menyediakan segala keperluan termasuk pelbagai kemewahan kepada keluarga belum tentu dapat menggembirakan mereka kerana mereka lebih memerlukan masa dan perhatian kita di mana wang ringgit tidak mampu membeli kebahagiaan.

Kita akui pada hari ini persekitaran ekonomi yang tidak menentu menyebabkan masing-masing cukup terdesak mahu menambah pendapatan. Macam-macam iktiar kita buat untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi bagi meneruskan survival kehidupan.

Namun, dalam kegairahan itu jangan kita lupa betapa institusi kekeluargaan dalam masyarakat kita juga semakin tenat dengan pelbagai masalah sosial yang turut memerlukan perhatian kita. Jangan esok umpama yang dikehendaki tak dapat, yang dikendong bercinciran.

Ironinya berjaya dalam kerjaya dan mencipta kebahagiaan dalam keluarga adalah dua perkara yang sama penting dan kedua-duanya adalah tanggungjawab bersama setiap ahli keluarga. Semoga kita dapat mewujudkan keseimbangan antara kedua-duanya.

**Penulis Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan UPM**